



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : anhisham@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Larangan Menjual, Membeli Atau Memiliki Rokok Tidak Sah


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meminda Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 untuk memperkukuhkan peruntukan bagi melarang penjualan, pembelian atau pemilikan rokok yang tidak memenuhi PPKHT. Pindaan Peraturan 15(4A), PPKHT ini telah diwartakan pada 11 Jun 2013 dan berkuatkuasa mulai **1 Januari 2014**.

Mana-mana penjual yang **MENJUAL** atau pembeli yang **MEMBELI** ataupun orang awam yang **MEMILIKI** rokok yang tidak dicetak dengan amaran kesihatan bergambar yang wajib adalah melakukan kesalahan dan boleh dikompaun sehingga RM 5,000.00 atau didenda oleh mahkamah sehingga RM 10,000.00 atau dipenjarakan sehingga 2 tahun atau kedua-duanya.

Peraturan baru ini bertujuan untuk menangani masalah penjualan rokok tidak sah yang berleluasa di pasaran dan ketiadaan undang-undang terhadap orang awam yang membeli atau memiliki rokok tidak sah. Langkah ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan KKM untuk menangani tabiat merokok yang memudaratkan, khususnya yang dipermangkinakan oleh rokok tidak sah yang berharga murah, dan seterusnya bagi mencapai maklumat untuk mengurangkan bilangan perokok di kalangan rakyat Malaysia.

Selaras dengan berkuatkuasanya peraturan baru ini, KKM akan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk melaksanakan peraturan ini. KKM telah mengatur barisan aktiviti sepanjang tahun ini termasuk operasi penguatkuasaan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah untuk mengambil tindakan perundangan terhadap mana-mana orang yang menjual, membeli atau memiliki rokok tidak sah. Orang awam dinasihatkan agar mengambil maklum mengenai pelaksanaan peraturan baru ini.

Sekian, terima kasih.


(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)
KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

7 Januari 2014

RASIONAL UNTUK PINDAAN PERATURAN 15(4A), PERATURAN- PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PPKHT) 2004 :

LARANGAN MENJUAL, MEMBELI ATAU MEMILIKI ROKOK TIDAK SAH

1. Terdapat kekurangan pada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pada masa sekarang, di mana hanya terdapat peruntukkan kesalahan terhadap **PENJUALAN** rokok yang tidak mematuhi keperluan PPKHT (Rokok Tidak sah).
2. Pindaan Peraturan 15(4A) ini dibuat bagi tujuan melengkapkan rantaian perundangan (*Completing The Legal Chain*), di mana peruntukkan PPKHT diperkukuhkan dengan memperuntukkan kesalahan bukan sahaja bagi kegiatan **PENJUALAN** rokok tidak sah, malah adalah juga menjadi kesalahan bagi aktiviti **PEMBELIAN** dan **PEMILIKAN** rokok tidak sah.
3. Pindaan ini membolehkan dan memperkukuhkan 2 aspek perundangan, iaitu:
 - A. Membolehkan tindakan **PENGUATKUASAAN** diambil terhadap penjual yang **MENJUAL** rokok tidak sah dan terhadap pembeli yang **MEMBELI** dan orang awam yang **MEMILIKI** rokok tidak sah.
 - B. Mengujudkan **KESAN PENCEGAHAN** (*Deterrant Effect*) di kalangan orang awam agar tidak terlibat dengan kegiatan yang **MENYALAH** UNDANG-UNDANG.
4. Pada hakikatnya, orang awam harus sedar bahawa bukan sahaja menjual rokok tidak sah adalah satu kesalahan dari segi undang-undang, malah membeli dan menggunakan rokok tidak sah adalah juga satu tindakan yang menyalahi undang-undang.
5. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menegaskan bahawa aktiviti penguatkuasaan BUKANNYA tujuan utama pindaan peraturan baru ini, tetapi KKM mengharapkan pindaan peraturan ini dapat memberikan kesan pencegahan di kalangan orang awam agar **TIDAK** membeli dan menggunakan rokok tidak sah di samping mengujudkan sikap kepatuhan (*Compliance*) terhadap peruntukkan undang-undang di kalangan pengguna.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA